

SIARAN MEDIA

HAMPIR 5000 USAHAWAN KUASAI TEKNIK JUALAN DAN PEMASARAN DIGITAL

CYBERJAYA, 2 DISEMBER 2020 – Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) buat julung kalinya telah memperkenalkan program Online Onboarding Coaching (E-BOARD) yang telah bermula pada bulan Julai 2020 bagi memperkukuh kemampuan dan kapasiti usahawan mikro, kecil dan sederhana dalam penggunaan platform secara atas talian (*online*). Sasaran program ini adalah peningkatan jualan usahawan, hasil daripada penggunaan platform atas talian (*online*) tersebut.

Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, INSKEN mensasarkan peningkatan jualan selepas menyertai program E-BOARD dan keberhasilannya terbukti apabila ada di antara kalangan usahawan yang telah berjaya melonjakkan jualan sebanyak 525.58% semasa dalam tempoh program bimbingan dijalankan. Manakala purata hasil jualan kesemua 250 peserta kohort 1 telah mencatat peningkatan sebanyak 17.57%.

Seiring dengan perubahan era globalisasi, INSKEN amat komited dalam membantu proses transformasi usahawan dari perniagaan konvensional kepada perniagaan secara atas talian (*online*) melalui platform seperti Facebook, Instagram, YouTube, WhatsApp dan Telegram. Pada peringkat awal program E-Board, usahawan akan diberi pendedahan kepada semua platform atas talian (*online*) dalam jangka masa 2 hari melalui sesi latihan *General E-Marketplace*. Lanjutan itu, usahawan akan diberi peluang

untuk memilih platform yang ingin dikuasai bersesuaian dengan perniagaan mereka agar dapat dibimbing selama 3 bulan oleh pakar secara lebih mendalam dan intensif.

Pemilik Pusat Pembangunan Ilmu, Teratak Ilmu, Puan Widad Fitriah merupakan usahawan yang berjaya melonjakkan jualan tertinggi melalui program E-Board. Menurut beliau, syarikatnya telah menerima arahan untuk keluar dari premis perniagaan dalam masa 30 hari kerana tidak mampu lagi untuk membayar kesemua kos operasi yang tertunggak dan telah mencecah puluhan ribu ringgit. Namun, setelah mengikuti program E-Board dan mempelajari teknik pemasaran secara atas talian, Puan Widad berjaya melunaskan kesemua tunggakan tersebut. Tambah beliau lagi, kesemua kos operasi Teratak Ilmu kini 100% mampu dibayar menggunakan hasil jualan berbanding dahulu yang terpaksa menggunakan sumber pendapatan lain untuk menampung kesemua kos tersebut. Pencapaian ini sudah berjaya dikekalkan selama 4 bulan berturut-turut, hasil daripada bimbingan melalui program E-Board.

Selain itu, INSKEN juga telah mempersiapkan usahawan ke arah ekonomi digital melalui Program INSKEN Business Training yang turut diadakan secara atas talian (*online*). Antara topik-topik yang diberi pendedahan kepada usahawan adalah seperti WhatsApp Untuk Bisnes, Pasarkan Produk Anda di *e-Marketplace* (Shopee & Lazada), *Zero Cost Marketing* Menggunakan Facebook dan banyak lagi. Sepanjang tahun 2020, 4,759 usahawan telah mendapat manfaat dari program-program yang memfokuskan kepada topik digitalisasi ini.

Justeru, INSKEN akan sentiasa tampil ke hadapan untuk membantu usahawan bangkit semula dalam menghadapi krisis Pandemik COVID-19 yang turut memberi kesan kepada ekonomi negara. Maklumat lanjut mengenai program latihan keusahawanan anjuran Institut Keusahawanan Negara Berhad boleh didapati melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
2 DISEMBER 2020